



NAMA:

KELAS:

**MODUL PINTAS 2025
PENDIDIKAN ISLAM**

1223/1

Kertas 1

TINGKATAN 5

Ogos

2 jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا
وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali-Imran : 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

- (i) Nyatakan sebab turun ayat di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua konsep sunnatullah. [4 markah]

Trend fesyen berpakaian yang tidak mengikut peraturan Islam semakin berleluasa kebelakangan ini ekoran daripada pengaruh budaya luar yang negatif.

- (iii) Apakah yang akan berlaku sekiranya perbuatan di atas tidak dibendung dalam kalangan umat Islam? Huraikan pendapat anda. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ؛ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ
وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا⁽¹⁾، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي
مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ. قَالَ: وَحَسِبْتُ عَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ
وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(2)

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang tanggungjawab setiap golongan individu muslim.

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris di atas. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab sebagai seorang pekerja. [2 markah]

Maksud hadis: “Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menunaikan janji”

(Riwayat Baihaqi)

- (iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mengaplikasikan sifat yang difahami dalam hadis di atas? Huraikan. [4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** jenis *ibtida'* di dalam hukum tajwid. [2 markah]

- 2 (a) Ajaran sesat semakin berleluasa di dalam negara kita.

- (i) Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadat. [2 markah]

AWAS : HATI-HATI ANCAMAN AJARAN SESAT

BICARA

Sumber: www.mais.gov.my

- (b) (i) Apakah yang akan berlaku kepada umat Islam sekiranya perbuatan tersebut dibiarkan berleluasa? [2 markah]

- (ii) Cadangkan langkah yang sesuai dalam memastikan umat Islam tidak terjebak dengan isu tersebut. Huraikan. [4 markah]

- (c) Al-Syahid merupakan nama-nama Allah SWT yang wajib diimani oleh setiap orang Islam.

- (i) Apakah maksud nama Allah SWT al-Syahid. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT al-Syahid. [4 markah]

Maksud hadis: "Iman yang paling afdal bahawa engkau mengetahui Allah bersamamu walau di mana pun engkau berada".

(Riwayat Tabrani dan Abu Naim)


- (iii) Berdasarkan maksud hadis di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya umat Islam tidak mengaplikasikan tuntutan hadis tersebut? Huraikan. [4 markah]
- 3 (a) Haji dan umrah ialah rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan oleh umat Islam sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan.
- (i) Nyatakan **dua** ciri berkemampuan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan perbezaan antara ibadah haji dan umrah. [2 markah]

RANCANG TUNAikan HAJI PADA USIA MUDA

MAKKAH: Generasi muda Malaysia dinasihatkan mula merancang untuk menunaikan fardu haji seawal mungkin bagi memudahkan urusan apabila tiba giliran mereka dijemput sebagai duyufurrahman atau tetamu Allah kelak. Ketua Pakar Rujuk Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Wan Mohamad Abdul Aziz, berkata persepsi bahawa ibadah haji untuk golongan yang lanjut usia, tidak benar sama sekali kerana tiada batas usia dalam syarat wajib mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Sumber: *Berita Harian Ogos 1, 2019*

- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah umat Islam dituntut untuk menyahut seruan di atas? Huraikan hujah anda. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud *rujuk*? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat *rujuk*. [2 markah]
- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *qisas*? [2 markah]
- (ii) Terangkan hikmah hukuman jenayah dalam Islam. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan statistik di atas, huraikan langkah bagi mengatasi jenayah yang berlaku dalam masyarakat. [4 markah]

4 (a) Khulafa al-Rashidin merupakan yang pertama daripada lima khalifah utama yang ditubuhkan selepas kewafatan Rasulullah SAW.

(i) Nyatakan **dua** pencapaian pemerintahan khulafa al-Rashidin dari aspek sosial. [2 markah]

(ii) Terangkan iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan khulafa al-Rashidin. [2 markah]



Sumber: 7 Feb. Utusan Malaysia

Pernyataan dalam keratan akhbar di atas menunjukkan sikap yang bertentangan dengan ciri-ciri kepimpinan khulafa al-Rashidin.

(b) (i) Huraikan sebab berlakunya perkara di atas. [2 markah]

(ii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya situasi tersebut terus berlaku? [4 markah]

(c) (i) Nyatakan **dua** hasil karya Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak yang dimiliki oleh Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]

Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh undang-undang Islam di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan sebagai bapa undang-undang Malaysia.

(iii) Bagaimanakah anda dapat mencontohi tokoh tersebut? [4 markah]




- 5 (a) (i) Nyatakan **dua** adab terhadap orang sakit dari aspek fizikal. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah beradab kepada orang sakit. [2 markah]

"Nadia melawat rakannya yang sakit, tetapi dia asyik bertanya banyak soalan tentang penyakit kawannya hingga membuatkan kawannya kelihatan gelisah."


- (b) (i) Pada pendapat anda, mengapakah Nadia tidak sepatutnya berbuat demikian? Huraikan. [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang rakan, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan agar Nadia tidak mengulangnya lagi? [4 markah]
- (c) Sifat mazmumah merupakan sifat tercela yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- (i) Nyatakan maksud riak. [2 markah]

Sifat dengki menghilangkan rasa syukur dalam diri.

- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah perkara tersebut berlaku? Huraikan. [4 markah]



Gambar 1



Gambar 2

- (iii) Berdasarkan **gambar 1** dan **gambar 2**, yang manakah boleh membawa seseorang kepada sifat riak? Kemukakan pendapat anda. [4 markah]